

5 FEB 1996

Sabah - Penggiliran (Analisis Berita)
RISIKO UMNO MELEPASKAN KETUANAN DI SABAH

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Apabila UMNO Sabah sebulat suara menolak cadangan bagi penggiliran jawatan Ketua Menteri, pelbagai pihak terus membuat kesimpulan bahawa ia takut kehilangan jawatan itu yang sekarang disandang oleh Datuk Salleh Said.

Yang lain pula menyifatkan penolakan itu sebagai tidak menghormati Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana beliau sendiri yang membuat janji untuk menggilirkan jawatan itu di kalangan tiga kaum terbesar di Sabah.

Tetapi menurut sumber dalaman yang menghadiri mesyuarat UMNO Sabah di Kota Kinabalu pada 27 Jan lepas, kebimbangan oleh para pemimpin UMNO mengenai perkara itu tidak ada kena-mengena dengan hasrat tidak mahu melepaskan jawatan itu.

Soal tidak menghormati Presiden UMNO langsung tidak terlintas dalam hati, malahan UMNO Sabah sangat menghormati Dr Mahathir.

Menurut sumber berkenaan, isu yang rumit itu -- memandangkan keadaan politik Sabah yang mudah terusik -- sebenarnya bukan sekadar soal memenuhi janji.

Penggiliran jawatan Ketua Menteri memang pelik kerana ia tidak pernah dipraktikkan sebelumnya, baik di Malaysia mahupun tempat lain.

Dr Mahathir semasa berkempen pada pilihan raya Sabah 1993 berjanji bahawa pemimpin parti komponen Barisan Nasional yang mewakili tiga kaum terbesar -- Islam Bumiputera, bukan Islam Bumiputera dan masyarakat Cina akan bergilir menjadi Ketua Menteri jika BN menang.

Bagi Dr Mahathir, janji tetap janji dan sejak BN membentuk kerajaan negeri, beliau berkali-kali menyatakan bahawa janji itu akan ditunaikan.

Tetapi Perdana Menteri pada masa yang sama membiarkan pintu terbuka sedikit untuk tolak ansur politik atau melembutkan pendirian, kata para penganalisis.

Tolak ansur beliau yang pertama dalam isu ini ialah menyatakan bahawa janji untuk menggilirkan jawatan itu akan ditunaikan kecuali parti-parti BN di Sabah membuat keputusan sebaliknya.

Dan selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini hujung minggu lepas, Perdana Menteri bertolak ansur lagi apabila berkata beliau akan menemui pemimpin parti Komponen BN secara berasingan sebelum membuat keputusan muktamad mengenai perkara itu.

Perdana Menteri berkata beliau yakin isu itu dapat diselesaikan sebelum 17 Mac, iaitu tarikh keramat yang dinanti-nantikan oleh rakyat Sabah dengan penuh suspens.

Ini ialah kerana pada Mac 17, Salleh yang mewakili UMNO dijangka menyerahkan jawatan Ketua Menteri kepada Datuk Yong Teck Lee, presiden Parti Maju Sabah (SAPP), jika penggiliran itu dilaksanakan juga.

Pada hakikatnya, kebanyakan lapan parti komponen BN menolak secara terang-terang cadangan menggilirkan jawatan itu sejak dari mula lagi. Cuma SAPP dan Parti Demokratik Sabah (PDS) belum menyatakan pendirian "sama ada ya atau tidak". Malah Parti Bersatu Sabah (PBS) yang masih berpengaruh itu dan yang kini menjadi pembangkang menentanginya.

Perkembangan ini difahami kerana selepas Yong, tiba giliran pemimpin PDS pula untuk menjadi Ketua Menteri sehingga penggal kerajaan negeri berakhir pada 1999.

Menurut kalangan dalaman parti, tentangan UMNO Sabah terhadap penggiliran jawatan itu ialah kerana ia mahu mengelakkan Sabah sekali lagi

diancam ketidakstabilan politik jika ia "melepaskan" ketuanannya dalam BN negeri.

Terdapat banyak hujah untuk menyokong kebimbangan mengenai ketidakstabilan politik sebaik sahaja UMNO tidak lagi menerajui kerajaan negeri.

Mereka yang melawat Sabah sekarang dapat melihat perubahan yang begitu ketara -- negeri itu kini paling stabil dalam tempoh lebih satu dekad manakala keyakinan peniaga dan pelabur berada di tahap paling tinggi.

Ekonomi negeri itu mula pulih untuk bersaing dengan negeri-negeri lain selepas sembilan tahun terbantut di bawah pemerintahan Parti Bersatu Sabah (PBS).

Apabila mengambil alih jawatan Ketua Menteri, Salleh membuat beberapa perubahan. Pentadbiran ala naungan politik di mana terlalu banyak kuasa dipegang oleh Ketua Menteri dimansuhkan oleh Salleh yang mahu mewujudkan kerajaan yang tulen serta terbuka dan telus.

Bekas Timbalan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Lin See Yan baru-baru ini memberi markah penuh kepada Salleh atas kepimpinannya, berdasarkan maklum balas daripada ahli perniagaan, pelabur dan bakal pelabur di negeri yang kaya dengan sumber itu.

Dr Lin yang berkhidmat di Bank Negara selama lebih 34 tahun sebelum bersara dua tahun lepas memberitahu Bernama bahawa ahli perniagaan yang ditemuinya mahu supaya isu penggiliran segera diselesaikan.

Dr Lin sekarang ialah pengerusi eksekutif Pacific Bank.

" Mereka selesa dengan sikap terbuka Salleh and dasar-dasar yang diperkenalkannya. Mereka tidak mengambil sikap memihak tetapi memang mahu kepimpinan yang ada sekarang dikekalkan demi kesinambungan dan kententuan kerana ini sangat penting bagi pertumbuhan perniagaan," tambah Dr Lin.

Satu lagi parti komponen BN yang mahu Salleh terus menjadi Ketua Menteri selepas 17 Mac ialah Parti Liberal Demokratik (LDP). Presidennya Datuk Chong Kah Kiat, dalam satu wawancara berkata: " Semua parti komponen BN sama rata tetapi UMNO mendahului parti-parti BN lain".

"Ini ialah realiti politik Malaysia," kata Chong, yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, yang menambah bahawa beliau paling lantang bersuara supaya Salleh terus menjadi Ketua Menteri selepas penggal kerajaan negeri berakhir.

Bagi Chong dan pemimpin politik lain yang menentang penggiliran, mengekalkan kestabilan politik di Sabah bukan tugas yang mudah tetapi UMNO telah berjaya berbuat demikian dalam tempoh tidak sampai dua tahun memegang tampok pemerintahan.

Para pemimpin UMNO di Sabah juga tidak berselindung menyatakan mereka kurang yakin kepada Yong sebagai Ketua Menteri.

"Faktor penting yang tidak harus dilupakan ialah Salleh dipilih sendiri oleh Dr Mahathir untuk menjadi Ketua Menteri dan semua boleh lihat betapa tepatnya pilihan beliau," kata seorang ahli politik yang tidak mahu namanya disiarkan.

Justeru itu, pentingnya UMNO mengekalkan ketuanannya dalam BN Sabah demi kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi adalah persoalan yang jauh lebih kritikal daripada sekadar memenuhi satu janji politik. -- BERNAMA

AU FAZ